



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI
PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI
KALI KE-216 BIL. 23/2026

ARAHAN PELAKSANAAN INISIATIF PENJIMATAN AKTIVITI PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

TUJUAN

1. Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan dan menetapkan garis panduan pelaksanaan inisiatif penjimatan dalam pelaksanaan aktiviti pelajar selaras dengan pelaksanaan kawalan perbelanjaan universiti.
2. Ianya bagi memastikan pengurusan kewangan dilaksanakan secara berhemah, penggunaan sumber universiti dioptimumkan dan penganjuran aktiviti pelajar memberi impak yang signifikan kepada pembangunan mahasiswa dan universiti.

LATAR BELAKANG

1. Pelaksanaan perkara ini adalah selaras dengan:
 - a) Arahan Kawalan Perbelanjaan Awam Kerajaan;
 - b) Surat Pekeliling Bendahari Bil. 1 Tahun 2026 berkaitan Arahan Naib Canselor mengenai pelaksanaan inisiatif penjimatan universiti;
 - c) Pemakluman Pentadbiran dan Operasi Pengurusan Pelajar Kali Ke-208 Bil. 15/2026 berkaitan pelaksanaan kawalan perbelanjaan dan penganjuran aktiviti badan pelajar.
2. Pelaksanaan kawalan ini mengambil kira keperluan semasa universiti dalam mengurus sumber kewangan secara cekap serta menangani ketidaktentuan ekonomi semasa.
3. Sehubungan itu, ketetapan ini adalah **bersifat sementara** dan dilaksanakan sebagai **langkah responsif terhadap ketidaktentuan geopolitik dan ekonomi**

global yang memberi kesan kepada kedudukan kewangan dan keutamaan perbelanjaan universiti.

4. Pendekatan ini membolehkan universiti mengekalkan kelangsungan operasi serta memastikan sumber diagihkan kepada keutamaan strategik yang memberi impak maksimum kepada pembangunan mahasiswa.

AKTIVITI DALAM KAMPUS

1. Semua aktiviti pelajar hendaklah **dilaksanakan di dalam kampus UMPSA sahaja** dengan mengoptimumkan penggunaan fasiliti, sumber dan kepakaran sedia ada di kampus Pekan dan Gambang.
2. Selaras dengan **inisiatif penjimatan universiti**, pendekatan pelaksanaan aktiviti pelajar adalah berasaskan **Model Kolaboratif Dua Kampus** yang menekankan prinsip berikut:
 - a. **Meminimumkan pergerakan fizikal antara kampus** kecuali bagi keperluan strategik yang tidak dapat dilaksanakan secara dalam talian atau setempat;
 - b. Melaksanakan **program secara berasingan di kampus masing-masing** dengan penyelarasan kandungan, modul dan hasil pembelajaran bagi memastikan keseragaman impak;
 - c. Mengaplikasikan **pendekatan kolaborasi tidak serentak (asynchronous)** melalui perkongsian dapatan dan output program antara kampus;
 - d. Mengoptimumkan kekuatan khusus setiap kampus melalui pengkhususan fungsi program bagi mengelakkan pertindihan dan pembaziran sumber;
 - e. Mengutamakan **pelaksanaan secara dalam talian atau hibrid** dengan kehadiran fizikal minimum;
 - f. Melaksanakan **penilaian dan perkongsian hasil program** secara berpusat melalui platform digital; dan
 - g. **Mengelakkan sebarang bentuk pembaziran** serta memastikan impak program jelas dan signifikan.
3. Semua permohonan dan pelaksanaan aktiviti pelajar dalam kampus, termasuk model kolaboratif dua kampus, hendaklah melalui Majlis Teras Aktiviti Pelajar (MTAP) sebagai platform rasmi penyelarasan, penilaian dan kawalan kualiti program pelajar.

4. **Pergerakan pelajar antara kampus adalah tidak digalakkan** dan hanya boleh dipertimbangkan secara terhad dengan syarat:
 - a. Melibatkan bilangan peserta minimum sebagai wakil rasmi;
 - b. Tidak melibatkan implikasi kewangan tambahan kepada universiti; dan
 - c. Disokong dengan justifikasi strategik yang jelas.
5. Penganjur hendaklah merancang pelaksanaan program secara teliti bagi mengoptimumkan penggunaan ruang, masa, tenaga dan kos serta mengelakkan pembaziran dan pertindihan sumber antara kampus.
6. Penganjuran program berbentuk keraian atau tidak kritikal adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan khas.
7. Selaras dengan inisiatif penjimatan utiliti:
 - i. Suhu penghawa dingin hendaklah ditetapkan sekurang-kurangnya 24°C;
 - ii. Semua lampu dan peralatan elektrik hendaklah ditutup apabila tidak digunakan.

AKTIVITI LUAR KAMPUS (TERHAD)

1. Sepanjang tempoh ini, **aktiviti pelajar di luar kampus** adalah **tidak digalakkan** dan **hanya dibenarkan secara terhad** dengan pertimbangan khusus seperti berikut:
 - i. Program telah mendapat **kelulusan rasmi daripada pihak universiti**;
 - ii. **Program berimpak tinggi** selaras dengan **agenda strategik universiti** yang memberi nilai strategik kepada **pembangunan pelajar**;
 - iii. Disokong oleh **tajaan luar**, sumbangan sendiri atau sumber alternatif tanpa peruntukan universiti;
 - iv. Dirancang dengan mengambil kira **penjimatan kos perjalanan dan logistik**.
 - v. Penggunaan kenderaan rasmi Universiti (JPPH) di bawah pembiayaan Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni adalah terkawal dan tertakluk kepada kelulusan rasmi Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni);
 - vi. Tempoh pelaksanaan **tidak melebihi satu (1) hari** dan **tidak melibatkan penginapan**; dan
 - vii. Program yang mempunyai implikasi kewangan dan reputasi yang signifikan kepada universiti sekiranya dibatalkan;

2. Semua kelulusan bagi aktiviti luar kampus boleh dipertimbangkan oleh Pengarah Akademi ADAB tertakluk kepada pematuhan sepenuhnya terhadap syarat yang ditetapkan.
3. Sebarang program luar kampus yang tidak memenuhi syarat hendaklah dirujuk untuk mendapat **kelulusan khas daripada Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**;

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN

1. Semua perbelanjaan hendaklah berasaskan prinsip berikut:
 - a) Keutamaan kepada keperluan berbanding kehendak;
 - b) Perbelanjaan secara berhemah dan munasabah;
 - c) Pengoptimuman penggunaan sumber sedia ada universiti; dan
 - d) Pematuhan sepenuhnya terhadap Pekeliling Bendahari yang berkuat kuasa.
2. Penyediaan makanan dan minuman (keraian) hendaklah:
 - a) pada kadar munasabah;
 - b) berkonsepkan menu ringan / sederhana;
 - c) tidak melibatkan pembaziran; dan
 - d) merujuk Pekeliling Bendahari Bil. 4 tahun 2025 Peraturan dan Kadar Keraian Rasmi sebagai asas pertimbangan.
3. Program yang dilaksanakan menggunakan:
 - a) sumbangan sendiri;
 - b) tajaan luar; atau
 - c) kaedah *potluck* adalah dibenarkan dengan syarat:
 - tidak melibatkan tuntutan kewangan universiti; dan
 - tertakluk kepada prosedur kelulusan penganjuran program universiti.

PEMATUHAN

1. Semua badan pelajar adalah WAJIB mematuhi ketetapan dalam arahan ini.
2. Sebarang permohonan program yang tidak selaras dengan arahan ini:

- a) Tidak akan dipertimbangkan untuk kelulusan; dan
 - b) Boleh menjejaskan pertimbangan kelulusan program serta peruntukan kewangan pada masa akan datang.
3. Penganjur program adalah bertanggungjawab sepenuhnya memastikan pematuhan terhadap arahan ini. Sebarang ketidakpatuhan boleh menyebabkan tindakan pentadbiran diambil selaras dengan peraturan universiti yang berkuat kuasa.

PEMAKAIAN

1. Arahan ini berkuat kuasa serta-merta pada tarikh ia dikeluarkan dan terpakai kepada semua Badan Pelajar sehingga dimaklumkan kelak.
2. Kerjasama dan komitmen semua pihak amat dihargai dalam memastikan pengurusan kewangan universiti dilaksanakan secara berhemah, cekap dan berintegriti.

Sekian untuk makluman dan tindakan pelajar. Terima kasih.

Dikeluarkan oleh:

Akademi ADAB
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
Tarikh: 8 Jun 2026



اوتيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

INISIATIF PENJIMATAN AKTIVITI PELAJAR UMPSA 2026



OPTIMUMKAN SUMBER | MINIMUMKAN KOS | MAKSIMUMKAN IMPAK

Bersama kita amalkan pengurusan kewangan berhemah demi kelestarian universiti dan pembangunan pelajar yang berimpak tinggi.

1 DALAM KAMPUS SAHAJA



- ✓ Semua aktiviti pelajar dilaksanakan di dalam kampus UMPSA.
- ✓ Optimumkan penggunaan fasiliti, sumber dan kepakaran sedia ada di kampus Pekan & Gambang.

2 MODEL DUA KAMPUS



- ✓ Kolaborasi tanpa pergerakan besar.
- ✓ Program dilaksana berasingan tetapi diselaraskan.
- ✓ Kolaborasi tidak serentak (asynchronous).
- ✓ Perkongsian output, modul & hasil secara digital.
- ✓ Pengkhususan fungsi mengikut kekuatan setiap kampus.
- ✓ Utamakan pelaksanaan dalam talian / hibrid dengan kehadiran fizikal minimum.

3 PENJIMATAN MAKSIMUM



- ✓ Kurangkan kos perjalanan & logistik.
- ✓ Elakkan pembaziran sumber (masa, ruang, tenaga, kos).
- ✓ Fokus kepada impak program, bukan keraian.

ALIRAN KELULUSAN AKTIVITI PELAJAR

PROGRAM DALAM KAMPUS



MTAP MAJLIS TERAS AKTIVITI PELAJAR

Platform rasmi penyelarasan, penilaian dan kawalan kualiti program pelajar.



LULUS



TOLAK

PROGRAM LUAR KAMPUS (TERHAD)



PENGARAH AKADEMI ADAB

Kelulusan tertakluk kepada pematuhan penuh terhadap syarat yang ditetapkan.

PROGRAM LUAR KAMPUS (ADA KOS / IMPAK TINGGI)



TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

Kelulusan khas bagi program yang tidak memenuhi syarat program luar kampus (terhad) atau melibatkan implikasi kewangan kepada universiti.

PERGERAKAN ANTARA KAMPUS TIDAK DIGALAKKAN



Hanya dipertimbangkan secara terhad dengan syarat:

- Melibatkan bilangan peserta minimum sebagai wakil rasmi.
- Tidak melibatkan implikasi kewangan tambahan kepada universiti.
- Disokong dengan justifikasi strategik yang jelas.

PENJIMATAN UTILITI



Suhu penghawa dingin hendaklah ditetapkan sekurang-kurangnya 24°C.



Semua lampu dan peralatan elektrik hendaklah ditutup apabila tidak digunakan.

PROGRAM LUAR KAMPUS (TERHAD)



Hanya dibenarkan secara terhad dengan pertimbangan khusus.



Program berimpak tinggi selaras agenda strategik universiti.



Disokong oleh tajaan luar, sumbangan sendiri atau sumber alternatif tanpa peruntukan universiti.



Penggunaan kenderaan rasmi Universiti (JPPH) adalah terkawal & tertakluk kelulusan TNC HEPA.



Tempoh pelaksanaan tidak melebihi satu (1) hari dan tidak melibatkan penginapan.



Program mempunyai implikasi kewangan & reputasi signifikan jika dibatalkan.

GARIS PANDUAN PERBELANJAAN

PRINSIP PERBELANJAAN



- Keutamaan kepada keperluan berbanding kehendak.
- Berhemah & munasabah.
- Optimumkan sumber sedia ada.
- Patuh Pekeliling Bendahari yang berkuat kuasa.

MAKANAN & MINUMAN (KERAIAN)



- Kadar munasabah.
- Menu ringan / sederhana.
- Tidak melibatkan pembaziran.
- Rujuk Pekeliling Bendahari Bil. 4 Tahun 2025 sebagai asas pertimbangan.

SUMBANGAN / TAJAAN / POTLUCK



- Dibenarkan dengan syarat:
- Tidak melibatkan tuntutan kewangan universiti.
- Tertakluk kepada prosedur kewangan yang berkuat kuasa.

PEMATUHAN



Semua badan pelajar WAJIB mematuhi ketetapan dalam arahan ini.



Permohonan yang tidak selaras tidak akan dipertimbangkan dan boleh menjejaskan kelulusan pada masa akan datang.



Ketidaktahuan boleh mengakibatkan tindakan pentadbiran.

Patuh hari ini,
Impak Selamanya!



OPTIMUMKAN
SUMBER



MINIMUMKAN
KOS



MAKSIMUMKAN
IMPAK



KELESTARIAN
UNIVERSITI

WAJIB PATUH • DIKAWAL MTAP • BERKUAT KUASA SERTA-MERTA

Bersama kita bina
universiti berdaya
saing & lestari!

PROSES KERJA KELULUSAN AKTIVITI PELAJAR UMPSA

OPTIMUMKAN SUMBER • MINIMUMKAN KOS • MAKSIMUMKAN IMPAK



Bersama kita amalkan pengurusan kewangan berhema
demi kelestarian universiti dan pembangunan pelajar yang berimpak tinggi.

A. PROGRAM DALAM KAMPUS

Semua aktiviti dilaksanakan di dalam kampus UMPSA
(Pekan atau Gambang)



B. PROGRAM LUAR KAMPUS (TERHAD)

Aktiviti di luar kampus adalah terhad dan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.



SYARAT PROGRAM LUAR KAMPUS (TERHAD)

-  Hanya dibenarkan secara terhad dengan pertimbangan khusus.
-  Program berimpak tinggi selaras agenda strategik universiti.
-  Disokong oleh tajaan luar, sumbangan sendiri atau sumber alternatif tanpa peruntukan universiti.
-  Penggunaan kenderaan rasmi Universiti (JPPH) adalah terkawal & tertakluk kelulusan TNC HEPA.
-  Tempoh pelaksanaan tidak melebihi satu (1) hari dan tidak melibatkan penginapan.
-  Program mempunyai implikasi kewangan & reputasi signifikan jika dibatalkan.


GARIS PANDUAN PERBELANJAAN (UNTUK SEMUA PROGRAM)



PERGERAKAN ANTARA KAMPUS TIDAK DIGALAKKAN



**PATUH HARI INI,
IMPAK SELAMANYA!**

 OPTIMUMKAN SUMBER

 MINIMUMKAN KOS

 MAKSIMUMKAN IMPAK

 KELESTARIAN UNIVERSITI

WAJIB PATUH • DIKAWAL MTAP / AKADEMI ADAB • BERKUAT KUASA SERTA-MERTA